



INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.gaexcellence.com/ijlgc



**TINGKAH LAKU POLITIK PENGUNDI KAUM INDIA
DALAM PRU-14 DAN PRN-15 DI NEGERI SEMBILAN:
SATU ANALISIS GEOGRAFI POLITIK DAN
PARTISIPASI POLITIK**

*POLITICAL BEHAVIOR OF INDIAN VOTERS IN GE-14 AND PRN-15 IN
NEGERI SEMBILAN: AN ANALYSIS OF POLITICAL GEOGRAPHY AND
POLITICAL PARTICIPATION*

Mokhtar Ahmad¹, Junaidi Awang Besar^{2*}

¹ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

 mokhtarahmad.mba@gmail.com



<https://orcid.org/0009-0005-6470-3201>

² Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

 jab@ukm.edu.my



<https://orcid.org/0000-0003-1521-6827>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 02.12.2025

Revised date: 06.01.2026

Accepted date: 28.01.2026

Published date: 05.03.2026

To cite this document:

Ahmad, M., & Awang Besar, J. (2026). Tingkah Laku Politik Pengundi Kaum India Dalam Pru-14 Dan Prn-15 Di Negeri Sembilan: Satu Analisis Geografi Politik Dan Partisipasi Politik. *International Journal of Law, Government and*

Abstrak:

Artikel ini menganalisis pola partisipasi politik kaum India di Negeri Sembilan dengan meneliti kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang ditandingi calon kaum India dalam PRU-14 (Jeram Padang, Nilai, Lobak, Labu, Rahang, Mambau, Seremban Jaya, Rantau, Sri Tanjung dan Repah) serta PRN-15 (Jeram Padang, Bahau, Nilai, Bukit Kepayang, Mambau, Seremban Jaya, Lukut, Sri Tanjung dan Repah). Artikel ini meneliti demografi pengundi India, menjelaskan pola sokongan dan peralihan undi, serta menghuraikan secara lebih mendalam bagaimana perubahan geografi, peralihan kelas sosial, tumpuan penduduk, persaingan parti dan faktor geografi politik di peringkat tempatan saling berinteraksi membentuk tingkah laku politik masyarakat India di setiap DUN. Data kajian diambil daripada daftar pemilih, keputusan pilihan raya dan taburan demografi etnik. Dapatan menunjukkan bahawa PRU-14 memperlihatkan peralihan ketara sokongan tradisional daripada Barisan Nasional kepada Pakatan Harapan yang dipacu oleh gelombang nasional, tekanan sosioekonomi dalam kalangan B40 India dan kesan kebangkitan Hindraf. Namun, PRN-15 memperlihatkan pola yang lebih rencam dengan kemunculan

Communication, 11(43), 105-127.

Perikatan Nasional sebagai pesaing signifikan, penurunan kadar keluar mengundi dalam kalangan pengundi India, serta perubahan komposisi demografi di beberapa DUN seperti Nilai, Seremban Jaya, Labu dan Jeram Padang yang mempengaruhi orientasi politik setempat. Secara keseluruhan, analisis menunjukkan bahawa partisipasi politik pengundi India dibentuk oleh gabungan faktor nasional, lokaliti dan geobudaya termasuk profil calon, identiti politik, persaingan parti serta dinamika ekonomi mikro setempat. Kajian ini memberi implikasi penting bagi pemahaman strategi parti politik dalam merangka pendekatan penglibatan pengundi berasaskan etnik, serta menekankan kepentingan faktor lokal dan struktur geobudaya dalam meramal dan mempengaruhi pola sokongan politik komuniti India di Negeri Sembilan.

DOI: 10.35631/IJLGC.1143009

Kata Kunci:

Geografi Politik, Partisipasi Politik India, Peralihan Undi, Pilihan Raya Negeri Sembilan, Pola Sokongan Pengundi

Abstract:

This article analyzes the political participation patterns of the Indian community in Negeri Sembilan by examining state assembly constituencies (DUN) contested by Indian candidates in the 14th General Election (Jeram Padang, Nilai, Lobak, Labu, Rahang, Mambau, Seremban Jaya, Rantau, Sri Tanjung, and Repah) and the 15th State Election (Jeram Padang, Bahau, Nilai, Bukit Kepayang, Mambau, Seremban Jaya, Lukut, Sri Tanjung, and Repah). The article investigates the demographics of Indian voters, explains voting patterns and shifts, and provides an in-depth analysis of how changes in geography, social mobility, population concentration, party competition, and local geocultural factors interact to shape political behavior within each constituency. Data were drawn from voter registers, election results, and ethnic demographic distributions. Findings indicate that the 14th General Election witnessed a significant shift from traditional support from Barisan Nasional to Pakatan Harapan, driven by national waves, socio-economic pressures among the B40 Indian group, and the mobilization effects of Hindraf. In contrast, the 15th State Election revealed more fragmented patterns, with Perikatan Nasional emerging as a significant competitor, a notable decline in voter turnout among Indian voters, and changes in demographic composition in constituencies such as Nilai, Seremban Jaya, Labu, and Jeram Padang influencing local political orientations. Overall, the analysis shows that Indian political participation is shaped by a combination of national, local and geocultural factors, including candidate profiles, political identity, party competition, and micro-level economic dynamics, underscoring that support patterns are heterogeneous and vary according to the geopolitical context of each DUN.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexclence.com

Keyword:

Political Geography, Indian Political Participation, Electoral Shift, Negeri Sembilan Elections, Voting Patterns

Pengenalan

Negara Malaysia telah menyaksikan sejarah panjang pilihan raya dengan pelaksanaan sebanyak 15 Pilihan Raya Umum (PRU) sejak yang pertama pada tahun 1959 sehingga PRU-15 pada 19 November 2022, termasuk edisi 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990, 1995, 1999, 2004, 2008, 2013 dan 2018 (Rashid & Manimaran 2021). Di peringkat Negeri Sembilan, PRU-14 diadakan pada 9 Mei 2018 bersekali dengan pilihan raya umum nasional, manakala Pilihan Raya Negeri (PRN-15) tidak disegerakkan dengan PRU-15 sebaliknya berlaku pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 1 Julai 2023 selepas mendapat perkenan Yang Dipertuan Besar Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir. PRN-15 telah diadakan pada 12 Ogos 2023, serentak dengan lima negeri yang lain iaitu Terengganu, Kelantan, Selangor, Pulau Pinang dan Kedah. PRN-15 melibatkan penamaan calon, tempoh berkempen dan hari pengundian tertentu seperti diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (Anon 2023).

Dalam lanskap pilihan raya Malaysia, tiga etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India membentuk blok pengundi utama dalam percaturan politik khususnya di Semenanjung Malaysia. Namun begitu, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada dinamika penglibatan pengundi kaum India dalam PRU-14 dan PRN-15 di kawasan tertentu di Negeri Sembilan sahaja. Analisis demografi menunjukkan bahawa pengundi India memberikan impak tersendiri terhadap perjalanan dan keputusan pilihan raya. Kawasan DUN yang mempunyai pengundi India melebihi 20 peratus seperti di Jeram Padang, Nilai, Lobak, Temiang, Bukit Kepayang, Rahang, Mambau, Seremban Jaya, Rantau, Chuah, Lukut dan Sri Pinang, yang mana kehadiran calon dari etnik ini turut mempengaruhi keputusan pilihan raya di beberapa kawasan. Dalam PRN-15, strategi parti utama seperti DAP dan PKR meletakkan calon dari etnik India di kawasan tertentu memungkinan kemenangan selesa di beberapa DUN. Namun begitu, kemunculan calon etnik India mewakili gabungan Perikatan Nasional telah memberi persaingan sengit kepada calon-calon parti pemerintah daripada DAP dan PKR di kawasan-kawasan kajian.

Pada PRU-14 jumlah pengundi berdaftar di Negeri Sembilan adalah seramai 609,586 orang dengan pengundi India ialah seramai 87,719 atau 14.39 peratus (Junaidi, Mokhtar & Mokhtar 2021). Manakala pada PRN-15, komposisi pengundi India adalah seramai 122,346 orang atau 14.15 peratus daripada jumlah keseluruhan 864,425 pengundi berdaftar. Sebanyak 52 peratus daripadanya adalah wanita dan 46.21 peratus berumur di bawah 40 tahun (SPR 2023). Pembentukan jurang demografi ini mencerminkan peranan dan impak pengundi India dalam pembentukan keputusan pilihan raya. Justeru itu, menjadi asas kepada kajian ini untuk meneliti tingkah laku politik mereka secara lebih mendalam.

Dalam kajian ini, persoalan kajian utama dirumuskan untuk memahami bagaimanakah faktor geografi politik mempengaruhi tingkah laku politik pengundi kaum India di peringkat DUN Negeri Sembilan semasa PRU-14 dan PRN-15. Penekanan diberikan kepada aspek spatial seperti penempatan, taburan etnik, pola demografi dan corak sokongan parti politik, kerana kajian geografi politik menekankan bahawa corak pengundian tidak hanya ditentukan oleh demografi semata-mata tetapi juga oleh struktur ruang dan hubungan antara kawasan serta dinamika masyarakat setempat. Analisis ini sejajar dengan pendekatan geografi pilihan raya yang melihat faktor seperti perbezaan kawasan bandar dan luar bandar, struktur sempadan pilihan raya, serta pengaruh spatial terhadap keputusan politik yang ditemui dalam kajian geografi politik dan pilihan raya terdahulu (Junaidi 2024).

Berdasarkan persoalan kajian tersebut, kajian ini dirancang dengan objektif kajian yang jelas untuk memastikan halatuju analisis lebih tersusun dan empirikal. Objektif kajian melibatkan penganalisaan komposisi demografi pengundi India, penerangan pola sokongan dan peralihan undi dalam konteks geografi politik di DUN tertentu, serta penjelasan interaksi antara penempatan spatial, kelas sosial, persaingan parti dan faktor geografi politik yang membentuk tingkah laku pengundi. Dengan objektif yang tersusun ini, kajian dapat memberi gambaran holistik tentang bagaimana faktor ruang dan demografi saling berinteraksi dalam membentuk pola partisipasi dan kecenderungan pilihan raya dalam kalangan masyarakat India di Negeri Sembilan, sekaligus menyumbang kepada pemahaman akademik yang lebih mendalam dalam bidang geografi politik.

Tinjauan Literatur

Rabushka dan Shepsle (1972) membangunkan sebuah model teoritis tentang persaingan politik dalam masyarakat berbilang etnik yang sering mengalami ketidakstabilan dan ketegangan antara etnik. Ini kerana konflik kuasa dan perbezaan kepentingan kumpulan memperkuat polarisasi serta kecenderungan kepada perpecahan. Mereka juga menekankan bahawa struktur institusi politik dan corak persaingan parti dalam masyarakat etnik yang beraneka bukan sahaja mencerminkan perbezaan sosial tetapi juga boleh menjadi punca utama ketidakstabilan demokratik apabila hubungan antara kumpulan etnik tidak dapat diuruskan melalui jalan penyelesaian yang mampu meredakan konflik dan memupuk saling kebersamaan.

Horowitz (1985) berhujah bahawa konflik etnik bukan sekadar berpunca daripada persaingan ekonomi atau budaya, tetapi disebabkan oleh kumpulan dalam masyarakat yang mula bersaing untuk kuasa dan status politik. Dalam situasi ini, perbezaan budaya, agama atau cara hidup menjadi titik tumpu persaingan kerana kumpulan-kumpulan melihat kedudukan mereka dalam politik dan masyarakat sebagai sesuatu yang penting untuk kelangsungan dan kepentingan mereka. Beliau juga menegaskan bahawa cara sistem politik dan pilihan raya disusun boleh menentukan sejauh mana ketegangan antara kumpulan etnik meningkat atau berkurang, kerana aturan pembahagian kuasa dan cara setiap kumpulan diwakili dalam politik itu sendiri boleh menyatukan atau mewujudkan rasa tidak puas hati antara mereka.

Shamsul Amri (1996) memperkenalkan konsep “*nations-of-intent*” untuk menjelaskan bahawa Malaysia bukan memiliki satu identiti nasional yang tunggal, tetapi pelbagai visi yang berbeza, sama ada berdasarkan kerangka kuasa dominan atau pengalaman harian masyarakat. Konsep ini membezakan antara identiti *authority-defined* yang didefinisikan dalam dasar negara dan dikuasai oleh naratif bumiputera, dengan identiti *everyday-defined* yang mencerminkan penentangan dan aspirasi non-bumiputera, bumiputera bukan Muslim, dan bumiputera Islam yang masing-masing menawarkan bentuk “bangsa” tersendiri. Tambahnya, ‘*nations-of-intent*’ berfungsi sebagai alat untuk memahami persaingan berterusan terhadap identiti Malaysia, menunjukkan bahawa pembentukan bangsa itu bukan satu naratif tunggal tetapi hasil dialog, perbezaan dan ketegangan antara pelbagai kumpulan sosial dalam masyarakat berbilang etnik ini.

Sanusi (1981) merumuskan bahawa perbezaan sosio-ekonomi antara kumpulan masyarakat sering menjadi punca utama konflik sosial. Perbezaan dalam pendapatan, pendidikan, pekerjaan, dan akses kepada sumber ekonomi menyebabkan jurang antara kumpulan, yang seterusnya menimbulkan ketegangan dan konflik. Oleh itu, penyelesaian konflik sosial memerlukan pendekatan yang menyeluruh terhadap isu-isu sosioekonomi, termasuk dasar

pembangunan yang lebih adil dan inklusif bagi semua lapisan masyarakat. Zakry (1986) menjelaskan bahawa kemenangan besar BN dalam PRU 1986 disebabkan isu perpaduan kaum dan kestabilan sosioekonomi yang difikirkan rakyat bahawa BN telah berjaya menyatukan rakyat pelbagai bangsa sejak peristiwa 13 Mei 1969 yang lalu seterusnya berjaya memajukan negara seiring dengan dunia luar.

Biro Analisis Politik (2000) menyatakan bahawa PRU 1999 memperlihatkan merebaknya trend politik bukan perkauman. BN dan parti pembangkang telah mengenepikan isu perkauman dan telah menggunakan strategi bukan perkauman untuk memikat undi. Wong (2001) dalam kajian perilaku pengundi Cina dalam pilihan raya 1999: satu kajian kes di DUN Rahang, Negeri Sembilan mendapati isu-isu pembangunan dan perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah parti dan calon pilihan raya merupakan penentu utama seseorang pengundi untuk menyokong parti yang bertanding. Goo (2002) dalam kajian kemenangan berterusan DAP di Parlimen Kota Melaka mendapati faktor kepemimpinan dan kelemahan BN yang menyebabkan DAP terus menang di Kota Melaka.

Mohd Yusof & Azlan (2002) dalam kajian pilihan raya 1999, mendapati bahawa faktor perkauman masih relevan dalam pilihan raya di Malaysia. Namun demikian, pilihan raya umum 1999 menggambarkan kemungkinan faktor tersebut mungkin berkurangan pada masa hadapan dan menjadi salah satu elemen yang penting dalam perkembangan politik baru di Malaysia. Viknesh (2009) dalam kajian tahap persepsi dan partisipasi politik golongan masyarakat India di N33 DUN Port Dickson dan N35 DUN Gemencheh, Negeri Sembilan mendapati bahawa persepsi dan partisipasi mereka terhadap politik adalah tinggi. Ini adalah kerana kesan daripada pengaruh persekitaran seperti tahap pendidikan, senario politik semasa dan isu semasa membentuk pola tingkah laku serta persepsi politik mereka.

Mohd Fuad et al. (2012) menyatakan bahawa sokongan belia India terhadap MIC didapati semakin merosot, terutamanya selepas kekalahan besar parti itu pada PRU 2008. Kajian melibatkan 150 pelajar India di tiga IPTA (UKM, UPM dan UM) mendapati bahawa walaupun majoriti masih cenderung menyokong BN, mereka menuntut MIC lebih proaktif menangani isu pendidikan sekolah Tamil, biasiswa, kuota, agama dan sosioekonomi. Belia India juga terdedah dengan maklumat politik melalui laman web dan mereka sangat cenderung memilih calon yang berkarisma, berkecayaan akademik tinggi, lebih muda serta parti yang memperjuangkan ketelusan, keadilan, hak asasi manusia, antirasuah dan alam sekitar. Secara keseluruhan, mereka bersedia menyokong MIC dan BN pada PRU ke-13 jika isu masyarakat India dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Bagi PRU 2013, Nafisah dan Siti Noranizahhafizah (2013) mendapati berdasarkan kepada isu-isu dalam kempen-kempen yang dijalankan sama ada sebelum pilihan raya umum (PRU) 2013 dijalankan dan pasca PRU tersebut menunjukkan terdapatnya sentimen perkauman menebal yang dimainkan oleh kedua-dua pihak iaitu BN dan PR. Antara isyuan yang dimainkan ialah berkisar dengan peristiwa 13 Mei 1969, perlembagaan (hak istimewa orang Melayu), kalimah Allah (agama) dan pendidikan Cina.

Menurut Mujibu (2013) dalam kajian “Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum Ke-12” telah mendapati bahawa gabungan faktor-faktor perkauman, permuafakatan, pecah dan perintah, pengawalan dan pembangunan menjadi asas kekuatan BN mendominasi politik Malaysia.

Vellymalay (2014) menyatakan bahawa aliran mengundi kaum India dipengaruhi oleh lokasi sosial kaum India, struktur kelas dan pertambahan pengundi baharu. Di kawasan-kawasan yang mempunyai 10% atau lebih pengundi India bagi kerusi Parlimen, kemenangan lebih berpihak kepada PR berbanding BN. Hal ini bermakna ramai pengundi India telah mengundi untuk calon PR berbanding BN. Terdapat pelbagai faktor lain yang menentukan perpecahan undi kaum India dalam PRU13. Artikel ini menerangkan beberapa faktor yang telah mendorong kaum India untuk mengundi PR; antaranya adalah peminggiran kaum India dalam pembangunan negara, implikasi perjuangan Hindu Rights Action Force (HINDRAF), isu Zulkifli Noordin, kekurangan perwakilan bagi kaum India dalam kerajaan, strategi Malaysian Indian Congress (MIC) dalam kempen pilihan raya, perjuangan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH), peranan media sosial dan keyakinan rakyat pada PR. Walau bagaimanapun, sokongan kaum India kepada BN dalam pilihan raya ini telah meningkat berbanding PRU12.

Junaidi (2021) menyatakan bahawa MIC telah menyumbang kepada BN dalam mengurus pembangunan negara ke tahap pembangunan ekonomi yang sangat membanggakan. Rakyat Malaysia termasuk masyarakat India kini mengecapi kualiti hidup yang amat selesa berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain. Namun demikian, perubahan politik yang wujud dalam kalangan masyarakat India menyebabkan MIC tidak lagi menjadi pilihan utama untuk masyarakat India. Mereka mengharapkan perubahan pucuk pimpinan yang lebih perihatin dan bertanggungjawab namun ia tidak diendahkan oleh pucuk pimpinan.

Kaur (2018) menyatakan bahawa perhimpunan 25 November 2007 serta tindakan keras yang dilakukan terhadap HINDRAF telah membawa kesan besar terhadap Pilihan Raya Umum ke-12 pada Mac 2008. Simpati pengundi bukan Melayu ketika itu jelas memihak kepada masyarakat India dan perjuangan HINDRAF. Samy Vellu sendiri tewas di kerusi Parlimen Sungai Siput yang telah dipegangnya selama 33 tahun. Kesan daripada perubahan sentimen ini, Barisan Nasional juga gagal mengekalkan majoriti dua pertiganya di Parlimen. Gelombang undi simpati turut menyumbang kepada peningkatan luar biasa jumlah Ahli Parlimen berketurunan India, khususnya daripada parti pembangkang, DAP. Para sarjana menilai PRU 2008 sebagai titik perubahan dalam politik etnik Malaysia, dengan HINDRAF diiktiraf sebagai faktor utama yang mencetuskan perubahan tersebut.

Velaymalay & Ponniah (2018) merumuskan bahawa penolakan kaum India terhadap MIC dan juga kerajaan BN amat jelas sejak PRU-12 lagi. Permasalahan kaum India yang tidak terselesaikan, kegagalan parti MIC dan kredibiliti calon MIC, kepimpinan Mahathir Mohamad, manifesto PH, peranan media sosial, peranan generasi muda dan peranan Hindraf mendorong peralihan besar undi kaum India kepada PH dalam PRU-14. Kegagalan MIC dan Kerajaan BN untuk memahami keperluan kaum India selain janji yang tiada berpenghujung tanpa penyelesaian yang dirasakan oleh golongan ini menyebabkan tsunami India dalam PRU-14; yang memperlihatkan kebangkitan gelombang sokongan yang ketara terhadap PH. Kelemahan yang dilihat secara berterusan dalam kepimpinan MIC dan Kerajaan BN beserta jaminan dan harapan yang diberikan oleh PH agar dapat membela nasib kaum India yang ketinggalan dalam pelbagai aspek menyebabkan kaum India mengalih perhatian daripada parti berasaskan etnik kepada parti multietnik.

Junaidi (2019) menjelaskan bahawa tekad untuk menjatuhkan BN, faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, kerosakan imej atau personaliti/peribadi pemimpin dan parti, kesepaduan Pakatan Harapan, peranan media sosial, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta pengundi baru/muda dan perang persepsi telah berjaya membentuk satu

gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU 2018. Junaidi, Mohd Fuad dan Mazlan (2019) menjelaskan bahawa pola undi dalam PRK Parlimen Port Dickson, Negeri Sembilan mengikut etnik iaitu etnik Cina dan India masih memihak kepada PH manakala etnik Melayu majoritinya menyokong BN dan PAS. Pola mengikut lokasi geografi pula memperlihatkan kawasan bandar didominasi PH manakala kawasan luar bandar kekal status quo dikuasai BN.

Mokhtar (2019) menjelaskan bahawa perubahan yang berlaku di Negeri Sembilan pada PRU-14 yang membawa kepada pentadbiran baru Kerajaan PH di Negeri Sembilan telah memberi satu gambaran tentang dinamiknya pola tingkah laku pengundian. Pakatan Harapan menggunakan logo PKR telah memenangi 20 kerusi DUN daripada 36 kerusi DUN yang dipertandingkan. Begitupun, beberapa kawasan di DUN Negeri Sembilan masih lagi memberi sokongan kuat kepada BN terutamanya UMNO di kawasan DUN yang majoritinya pengundi Melayu. MIC, rakan gabungan BN telah berjaya memenangi kerusi DUN Jeram Padang walaupun pengundi majoritinya adalah Melayu.

Junaidi, Mokhtar & Mokhtar (2020) menyatakan bahawa analisis pola pengundian PRU-14 di Negeri Sembilan mengikut etnisiti calon menunjukkan sokongan terhadap calon etnik Melayu lebih tinggi kepada calon BN iaitu lebih kurang 48 peratus. Calon etnik Melayu daripada PH mendapat sokongan pengundi lebih kurang 42 peratus. Junaidi et al. (2021) menjelaskan bahawa pola pengundian antara lapan PRU 1986 hingga PRU 2018 menunjukkan berlakunya turun-naik atau pendulum berdasarkan jumlah kerusi Parlimen dan DUN yang dumenangi oleh parti pemerintah Barisan Nasional (BN) dengan parti pembangkang seperti PKR, PAS, DAP dan lain-lain. Dinamika sokongan ini disebabkan oleh antaranya faktor geografi dan faktor lain seperti isu, kepemimpinan, etnik, pengalaman memerintah, media, fahaman kepartian, faktor sosiologi dan pilihan rasional.

Junaidi, Mokhtar dan Mokhtar (2021) menyatakan bahawa analisis pola pengundian berdasarkan etnisiti calon menunjukkan sokongan terhadap calon etnik India menunjukkan lebih 85 peratus telah memberikan sokongan kepada calon daripada PH. Pada masa yang sama, masyarakat India juga menunjukkan pola tsunami yang sama dengan memberi sokongan padu kepada calon PH. Presiden MIC, Tan Sri SA Vigneswaran menyatakan bahawa kegagalan MIC memenangi semua kerusi yang ditandingi pada Pilihan Raya Umum ke-14 berpunca daripada tindakan parti yang lambat menamakan Penyelaras di kawasan yang dijangka ditandingi (Fahmy 2022). Junaidi (2023) dalam dapatan kajiannya mengenai keputusan PRU-15 menunjukkan bahawa Pakatan Harapan (PH) memenangi 82 kerusi, Perikatan Nasional (PN) mendapat 74 kerusi, Barisan Nasional (BN) 30 kerusi, Gabungan Parti Sarawak (GPS) 23 kerusi, Gabungan Rakyat Sabah (GRS) 6 kerusi, Parti Warisan Sabah (WARISAN) 3 kerusi, Parti Bangsa Malaysia (PBM) 1 kerusi, Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM) 1 kerusi dan Bebas 2 kerusi.

Mokhtar, Junaidi & Mohd Fuad (2024) menyatakan bahawa keputusan pilihan raya PRU-14 DUN Labu, Negeri Sembilan, telah memberi satu gambaran jelas tentang dinamiknya tingkah laku pengundi yang boleh disebabkan oleh isu dan faktor yang mempengaruhi keputusan pengundian. Mokhtar & Junaidi (2024) menegaskan bahawa pengundi di Negeri Sembilan memberi penekanan kepada isu tempatan dan mengharapkan calon yang terpilih dapat memenuhi janji mereka.

Mokhtar dan Junaidi (2025a) dalam kajiannya bertajuk “Pilihan Raya Negeri Sembilan ke-15: Pola Pengundian Mengikut Saluran Mengundi di Kawasan Dewan Undangan Negeri (N20) Labu, Negeri Sembilan” telah merumuskan bahawa keputusan PRN-15 bagi kawasan DUN Labu menunjukkan satu amaran besar tentang penolakan pengundi Melayu kepada PH dan Kerajaan Perpaduan gabungan PH dan BN. Ini dibuktikan dengan data dan angka bagi saluran-saluran mengundi majoriti Melayu yang dimenangi oleh calon PN daripada BERSATU. Klimaknya calon PN ini menang besar apatah lagi di kawasan yang suatu ketika dahulu pada PRU-14, menjadi kubu dan lubuk rakan kerjasama PH iaitu BN/UMNO. Secara perbezaannya, perbezaan kemenangan PN dalam PRN-15 berbanding PH pada PRU-14 adalah sebanyak 2,522 undi. Ini merupakan satu tamparan kepada Kerajaan Negeri PH dan BN akibat kegusaran dan naratif yang tercipta orang Melayu dengan Kerajaan Perpaduan di peringkat Persekutuan pimpinan PMX Anwar Ibrahim dan kerjasama politik yang diwar-warkan di peringkat Negeri antara PH dan BN. Gelombang anak muda, isu dan faktor yang menyelubungi kaum India di sesuatu kawasan pilihan raya juga turut membantu mengubah lanskap politik Labu yang dilihat semakin dinamik dan anjal. Mokhtar & Junaidi (2025b) menyatakan bahawa pengundi Melayu luar bandar telah menolak kerjasama yang berlaku dalam Kerajaan Perpaduan antara PH dan BN. Lebih daripada itu, pengundi BN terutamanya UMNO masih ragu-ragu dan keliru dengan kerjasama yang berlaku terutamanya melibatkan DAP.

Mokhtar & Junaidi (2025c) dalam kajian bertajuk “Kebangkitan Perikatan Nasional Melalui Sokongan Pengundi Melayu Dalam Pilihan Raya DUN Negeri Sembilan ke-15” menyatakan bahawa Pilihan Raya Negeri (PRN) Ke-15 di Negeri Sembilan menyaksikan kebangkitan Perikatan Nasional (PN) apabila berjaya memenangi lima kerusi DUN daripada 36 kerusi DUN yang dipertandingkan. PN menang di kawasan DUN Seriting, Gemas dan Bagan Pinang, Paroi dan Labu. Tegas mereka lagi, berlaku penolakan pengundi Melayu kepada kerjasama yang berlaku dalam Kerajaan Perpaduan antara PH dan BN. Lebih daripada itu, pengundi BN terutamanya UMNO masih ragu-ragu dan keliru dengan kerjasama yang berlaku terutamanya melibatkan DAP, disebalik keraguan ahli PH terhadap BN yang kononnya terpalit dengan rasuah dan ketirisan tadbir urus. Mokhtar (2025) dalam kajiannya bertajuk “Geografi Politik Melayu Luar Bandar Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) di Negeri Sembilan: Satu Analisis PRU-10 Hingga PRU-14” menyatakan bahawa wujud kekecewaan terhadap prestasi kerajaan baharu namun masih tersimpan harapan kepada kepimpinan yang mampu menjaga kepentingan ekonomi, sosial dan budaya, di samping wujud perbezaan keutamaan yang jelas antara generasi tua dan muda.

Metod dan Kawasan Kajian

Metod Kajian

Bagi metod kajian, penulisan artikel ini menggunakan maklumat primer iaitu pemerhatian di lapangan seperti mengikuti situasi hari penamaan calon, kempen yang dijalankan secara konvensional (ceramah, perang poster, risalah dan banner) dan kaedah media sosial (facebook, youtube, whatsapp dan Tiktok). Data yang diambil dalam penulisan ini adalah data keputusan PRU-14 dan PRN-15, manakala pendekatan penghuraian maklumat kualitatif daripada sumber sekunder menerusi bahan bercetak dan sumber atas lain iaitu artikel jurnal, kertas persidangan, buku rujukan ilmiah atau buku prosiding. Segala kajian lepas dan data daripada sumber kedua iaitu buku akademik, artikel jurnal serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar tersebut dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian.

Kawasan Kajian

Rujukan demografi mengikut semua kawasan DUN yang terdapat di Negeri Sembilan dapat dilihat dalam Jadual 1 untuk memudahkan pemahaman pola pengundian dan implikasi geografi politik pengundi India di setiap kawasan dalam Negeri Sembilan. Begitupun, kajian hanya tertumpu kawasan DUN tertentu yang ditandingi oleh calon daripada etnik India pada PRU-14 dan PRN-15 di Negeri Sembilan.

Jadual 1: Demografi Etnik India PRU-14 Dan PRN-15 Mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) Di Negeri Sembilan

Kod DUN	DUN	PRU-14	PRN-15
N01	Chennah	2.36	4.53
N02	Pertang	6.92	8.65
N03	Sungai Lui	8.41	9.13
N04	Klawang	4.11	4.21
N05	Serting	8.05	7.95
N06	Palong	5.73	5.19
N07	Jeram Padang	35.52	33.11
N08	Bahau	8.56	9.92
N09	Lenggeng	5.53	5.22
N10	Nilai	21.79	20.38
N11	Lobak	19.76	20.58
N12	Temiang	14.16	13.56
N13	Sikamat	7.59	6.98
N14	Ampangan	7.71	6.92
N15	Juassih	5.32	5.32
N16	Seri Menanti	0.25	1.07
N17	Senaling	3.23	2.98
N18	Pilah	8.30	7.83
N19	Johol	4.83	5.42
N20	Labu	15.03	12.90
N21	Bukit Kepayang	20.94	20.04
N22	Rahang	20.84	20.78
N23	Mambau	23.38	24.24
N24	Seremban Jaya (Senawang)	24.19	25.74
N25	Paroi	15.34	13.75
N26	Chembong	9.76	9.45
N27	Rantau	26.97	25.94
N28	Kota	4.58	4.47
N29	Chuah	22.34	21.01
N30	Lukut	24.45	24.96
N31	Bagan Pinang	13.93	9.38
N32	Linggi	18.04	16.88
N33	Sri Tanjung (Port Dickson)	30.56	25.56
N34	Gemas	4.48	4.49
N35	Gemencheh	15.42	14.52
N36	Repah	16.51	16.65

Sumber: Rashid & Manimaran dan SPR 2023

Bagi memahami kajian ini, penulisan ini tertumpu kepada 10 DUN yang ditandingi oleh calon-calon daripada etnik India pada PRU-14 iaitu DUN Jeram Padang, Nilai, Lobak, Labu, Rahang, Mambau, Seremban Jaya, Rantau, Sri Tanjung dan Repah. Seramai 13 calon telah menawarkan diri untuk bertanding merebut 10 DUN yang dipertandingkan walaupun terdapat calon-calon lain daripada etnik Melayu dan etnik Cina. Mereka, calon-calon daripada etnik India ini bertanding atas tiket Barisan Nasional (BN), Parti Keadilan Rakyat (PKR/DAP), Parti Alternatif Rakyat (PAP) dan calon Bebas.

Bagi PRN-15 pula, kajian tertumpu kepada sembilan DUN yang ditandingi oleh calon-calon daripada etnik India iaitu DUN Jeram Padang, Bahau, Nilai, Bukit Kepayang, Mambau, Seremban Jaya, Lukut, Sri Tanjung dan Repah. Seramai 11 calon etnik India telah menawarkan diri bagi merebut 9 DUN yang dipertandingkan walaupun terdapat calon-calon lain daripada etnik Melayu dan Cina. Cumanya pada PRN-15 ini, pertandingan telah menjadi lebih sengit kerana parti-parti pembangkang telah bersatu di bawah gabungan Perikatan Nasional (PN), BN dan PH bergabung menjadi PH/BN dan parti Bebas.

Pemilihan DUN bagi PRU-14 dalam kajian ini dibuat berdasarkan pertimbangan empirikal dan geografi politik, khususnya kehadiran calon daripada etnik India yang bertanding secara langsung di kawasan tersebut. Sepuluh DUN yang dipilih iaitu Jeram Padang, Nilai, Lobak, Labu, Rahang, Mambau, Seremban Jaya, Rantau, Sri Tanjung dan Repah. Kawasan DUN ini mewakili kawasan yang mempunyai sama ada komposisi pengundi India yang mempunyai pengaruh atau kepentingan strategik dari sudut persaingan politik dan taburan spatial pengundi. Pemilihan ini membolehkan analisis dilakukan secara lebih fokus terhadap tingkah laku pengundi India dalam konteks persaingan sebenar antara calon berbilang etnik serta kepelbagaian parti politik yang bertanding, termasuk BN, PKR/DAP, PAP dan calon Bebas. Dengan menumpukan kepada DUN yang menampilkan calon etnik India, kajian ini dapat menilai secara lebih tepat hubungan antara faktor etnik, ruang politik dan pola sokongan pengundi di peringkat tempatan.

Bagi PRN-15 pula, sebanyak sembilan DUN telah dikenalpasti iaitu Jeram Padang, Bahau, Nilai, Bukit Kepayang, Mambau, Seremban Jaya, Lukut, Sri Tanjung dan Repah. Pemilihan dibuat berdasarkan kesinambungan analisis ruang serta perubahan landskap politik pasca PRU-14. Tempoh kajian yang memfokuskan kepada PRU-14 dan PRN-15 sahaja dipilih kerana kedua-dua pilihan raya ini mewakili fasa peralihan politik yang penting di peringkat nasional dan negeri. Lebih dari itu mengambilkira perubahan struktur gabungan parti, peningkatan persaingan politik serta penstrukturan semula sokongan pengundi. PRU-14 menandakan perubahan besar dalam sistem politik Malaysia, manakala PRN-15 memperlihatkan kesan lanjutan perubahan tersebut dalam konteks negeri dan tempatan. Justeru, tumpuan kepada dua tempoh ini membolehkan kajian menilai secara perbandingan bagaimana faktor geografi politik, persaingan parti dan dinamika sosial mempengaruhi tingkah laku politik pengundi kaum India secara lebih mendalam dan kontekstual di Negeri Sembilan.

Hasil Kajian

Keputusan Kawasan Kajian Etnik India bertanding pada PRU-14 mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) di Negeri Sembilan

Pilihan Raya Umum PRU-14 telah diadakan pada 9 Mei 2018. Sebanyak 36 kerusi DUN telah dipertandingkan di peringkat Negeri Sembilan. Seramai 13 calon kalangan daripada etnik India telah bertanding di 10 Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Jeram Padang, Nilai, Lobak,

Labu, Rahang, Mambau, Seremban Jaya, Rantau, Sri Tanjung dan Repah. Mereka bertanding mewakili Pakatan Harapan (PKR dan DAP) yang ketika itu disertai oleh gabungan empat parti iaitu PKR, DAP, AMANAH dan BERSATU, Parti Alternatif Rakyat (PAP) dan Bebas. Keputusan DUN Jeram Padang menyaksikan calon BN daripada MIC, Dato Manickam Lethuman telah menang majoriti 1,062 undi. Beliau mendapat 3,702 undi berbanding calon India etnik lain iaitu Suresh A/L Sreenivasan yang mendapat 2,640 yang bertanding atas tiket Bebas (Pokok). Terdapat calon Etnik Melayu lain yang sekadar menduduki tempat ketiga dan keempat iaitu calon PH (PKR), S Musliadi Sabtu 2,302 undi dan calon PAS, Mohd Fairuz yang sekadar mendapat 785 undi dan hilang wang pertaruhan. Dalam PRU-14 ini, DUN Jeram Padang mempunyai 35.52 peratus pengundi etnik India daripada sejumlah 12,337 pengundi keseluruhan DUN Jeram Padang atau seramai 4382 pengundi etnik india.

Bagi DUN Nilai, hanya seorang calon daripada etnik India yang bertanding yang mewakili daripada PH (DAP). Beliau telah menang bergaya dengan majoriti besar iaitu 9,825, mengalahkan dua calon daripada BN dan PAS. Calon BN (MCA) sekadar mendapat 4,394 undi dan calon PAS mendapat 2,151 undi. Dalam PRU-14 ini, DUN Nilai mempunyai seramai 24,657 pengundi dengan pengundi etnik India adalah seramai 21.79 peratus (5,372 pengundi). Bagi DUN Lobak, seorang calon etnik India daripada Parti PAP, Balamurugan A/L Sanmugam sekadar mendapat 92 undi berbanding terdapat 19.76 peratus pengundi etnik India di DUN tersebut dan beliau telah hilang wang deposit. Undang-undang pilihanraya menyatakan dengan jelas bahawa calon bertanding yang gagal memperoleh 1/8 atau 12.5 peratus undi daripada keseluruhan undi yang dikira akan kehilangan wang deposit (Rashid & Manimaran). Bagi DUN Labu, calon Parti Alternatif Rakyat (PAP), David Dass Aseerpatham sekadar mendapat 46 undi, hilang wang deposit walaupun di DUN Labu terdapat sebanyak 15.03 peratus pengundi etnik India. Lebih daripada itu, David Dass merupakan Setiausaha Agung Parti Alternatif Rakyat (PAP) Kebangsaan.

DUN Rahang menyaksikan calon PH (DAP), Marry Josephine Prittam Singh telah menang dengan majoriti sebanyak 6,560 undi. Calon daripada PAP sekadar mendapat 66 undi dan hilang wang deposit. Majoriti undi ini adalah saingan terdekat calon PH (DAP) dengan calon BN (MCA) yang mendapat 10,018 undi berbanding 3,458 undi. Walhal untuk DUN Rahang ini jumlah pengundi daripada etnik India adalah seramai 20.84 peratus. DUN Mambau menyaksikan calon PAP, T. Parimala Devi telah hilang wang deposit apabila sekadar mendapat 101 undi. Pengundi etnik India di kawasan DUN ini adalah sebanyak 23.38 peratus. Rujuk Jadual 2 iaitu Keputusan Pengundian Mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) yang ditandingi Calon Etnik India PRU-14 di Negeri Sembilan

Jadual 2: Keputusan Pengundian Mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Yang Ditandingi Calon Etnik India PRU-14 Di Negeri Sembilan

Kod DUN	DUN	Jumlah Pengundi	Peratus Keluar Mengundi	Peratus Pengundi India	Calon PRU-14	Jumlah Undi
N07	Jeram Padang	12, 337	79.8	35.74	Dato Manickam Letchuman (BN)	3, 702*
					Surash A/L Sreenivasan (Bebas)	2,640
N10	Nilai	24,657	85.3		J. Arul Kumar (PKR)	9,825*

N11	Lobak	19,101	82.7		Balamurugan A/L Sanmugam (PAP)	92
N20	Labu	17,808	84.3	15.23	David Dass Aseerpatham (PAP)	46
N22	Rahang	17,084	80.9	20.70	Marry Josephine Prittam Singh (PKR)	10,018*
					Saraswathy A/P Paragazum (PAP)	66
N23	Mambau	20,771	85.5	23.22	T. Parimala Devi (PAP)	101
N24	Seremban Jaya	20,565	84.5	24.08	P.Guna (PKR)	13,760
					Sagaya Rajan A/L Xavier (PAP)	99
N27	Rantau #					
N33	Sri Tanjung	14,422	82,9	31.02	M.Ravi (PKR)	7,366*
					Thinalan T Rajagopalu (BN)	3,336
N36	Repah	19,742	84.0	16.6	Veerapan A/L Superamaniam (PKR)	9,568*

Sumber : Diubahsuai SPR 2018

Petunjuk


- * - Pemenang Kerusi DUN
- # - DUN Rantau, calon BN(UMNO) menang tanpa bertanding

DUN Seremban Jaya menyaksikan calon etnik India daripada PH (DAP) telah menang bergaya apabila mendapat 10,507 undi majoriti, meninggalkan jauh pencabar terdekatnya daripada calon etnik Cina BN (MCA) yang sekadar mendapat undi sebanyak 3,253. Calon PH (DAP), P. Guna mendapat 13,760 undi. Calon PAP, Sagaya Rajan A/LXavier sekadar mendapat undi simpati 99 undi dan hilang wang deposit. DUN Senawang Jaya mempunyai pengundi daripada etnik India seramai 24.19%. DUN Rantau tidak dipertandingkan pada PRU-14 kerana Tok Mat telah diistiharkan menang percuma apabila lawannya daripada PH (PKR) gagal mengemukakan borang percalonan akibat tidak dibenarkan masuk ke Pusat Penamaan Calon kerana tidak mempunyai Pas SPR (Rizanizam, 2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) N27 Rantau yang diadakan semula pada 13 April 2019 menyaksikan calon PH(PKR), Dr. Streram Sinnasamy dicalonkan semula untuk bertanding selain calon etnik India lain iaitu Malar Rajaram (Bebas). Seperti dijangkakan, Tok Mat telah menang dengan majoriti sebanyak 4,510 undi dengan mendapat 10,397 undi berbanding Dr. Streram Sinnasamy sekadar mendapat 5,887 undi dan Malar Rajaram mendapat 83 undi dan hilang wang deposit. Seorang lagi calon Bebas, Hj Mohd Nor sekadar mendapat 79 undi dan hilang wang deposit. Ketika PRU-14, DUN Rantau mempunyai komposisi pengundi etnik India sebanyak 26.97 peratus.

Bagi DUN Sri Tanjung, dua calon etnik India telah mengemukakan pencalonan iaitu Thinalan T Rajagopalu yang mewakili BN (MIC) dan M. Ravi yang mewakili PH (PKR). M. Ravi telah menang dengan majoriti 4,030 undi. BN yang meletakkan anak bekas Exco Kerajaan Negeri, Thinalan T Rajagopalu hanya mendapat undi sebanyak 3,336 berbanding M. Ravi sebanyak 7,366 undi. DUN Sri Tanjung mempunyai sebanyak 30.56 peratus pengundi etnik India.

DUN terakhir yang ditandingi oleh calon daripada etnik India adalah DUN Repah. Dalam pertandingan ini, calon PH (DAP), Veerapan A/L Superramaniam telah menang dengan mendapat undi sebanyak 9,568 dengan majoriti undi sebanyak 4,758. Dua calon lain yang bertanding adalah Kok Kim Swee BN (MCA) yang mendapat undi sebanyak 4,810 dan Hj Razak (PAS) yang mendapat undi sebanyak 1,957. DUN Repah mempunyai jumlah pengundi etnik India sebanyak 16.51 peratus.

Dapat dirumuskan bahawa PRU-14 ini menunjukkan bahawa pengundi etnik India telah memberikan sokongan kepada calon-calon pembangkang iaitu Pakatan Harapan berdasarkan kepada parti dan bukannya etnik sebangsa. Dengan kata erti yang lain pola kecenderungan politik di kalangan pengundi India adalah jelas telah beralih daripada politik etnik kepada politik multi-etnik (Velly & Ponniah 2018). Peralihan ini juga boleh dilihat kepada keputusan pilihan raya di DUN Jeram Padang apabila calon BN (MIC) telah menang di DUN tersebut. Ini dapat dilihat apabila kesemua calon-calon PAP atau Bebas tidak mendapat undi sokongan daripada pengundi India sendiri dan hilang wang deposit walaupun peratus pengundi etnik India tinggi. Dapat juga disimpulkan bahawa PH, BN, PAP dan Bebas telah mengenalpasti kawasan DUN yang boleh memberi keputusan yang boleh memberikan keputusan luar jangka atau sebagai penentu kemenangan parti-parti utama seperti BN dan PH. Bagaimanapun PRU-14, pengundi termasuk pengundi etnik India telah memberikan undi yang agak besar kepada calon-calon pembangkang PH kecuali di Jeram Padang yang dimenangi BN (MIC). Ini kerana ketika itu kerajaan memerintah adalah BN selain peratusan pengundi etnik India sebanyak 35.52 peratus serta sedikit tambahan sokongan pengundi Melayu kepada Kerajaan BN ketika itu. Rajah 1 menunjukkan kawasan DUN-DUN yang ditanding oleh calon-calon Etnik India pada PRU-14 di Negeri Sembilan.



Rajah 1 Kawasan DUN-DUN Yang Ditanding Oleh Calon Etnik India Pada PRU-14 Di Negeri Sembilan

Sumber: Ubahsuai SPR 2018

Keputusan Kawasan Kajian Etnik India Bertanding Pada PRN-15 Mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) Di Negeri Sembilan

Pilihan Raya Umum PRN-15 telah diadakan pada 12 Ogos. Sebanyak 36 kerusi DUN telah dipertandingkan di peringkat Negeri Sembilan. Seramai 11 calon kalangan daripada etnik India telah bertanding di sembilan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Jeram Padang, Bahau, Nilai, Bukit Kepayang, Mambau, Seremban Jaya, Lukut, Sri Tanjung dan Repah. Berbanding PRU-14, PRN-15 menunjukkan tiada calon etnik India yang bertanding di DUN Lobak, Labu, Rahang dan Rantau, dan sebaliknya calon etnik India telah bertanding di DUN Bahau, Bukit Kepayang dan Lukut. Apa yang menariknya pada PRN-15 ini, mereka bertanding bukan sekadar mewakili Pakatan Harapan (PKR, DAP), Parti Alternatif Rakyat (PAP) dan Bebas, bahkan pencalonan telah melangkaui batas etnik dan kepartian. Ini berlaku apabila seramai lima calon etnik India telah bertanding atas tiket Perikatan Nasional (PN) di DUN Jeram Padang, Bahau, Bukit Kepayang, Mambau dan Lukut. Diketahui umum, PN adalah gabungan parti yang diterajui oleh parti ultra Melayu BERSATU dan parti imej Islam iaitu PAS dan GERAKAN pada peringkat awal penubuhannya pada 7 Ogos 2020 (Bernama 2020).

Keputusan DUN Jeram Padang menyaksikan calon PN, Surash A/L Sreenivasan telah berjaya mendapat 4,769 undi, kalah kepada calon BN (UMNO), Mohd Zaidy Abdul Kadir yang mendapat undi sebanyak 5,462 dengan majoriti undi sebanyak 693. DUN Jeram Padang pada PRN-15 mempunyai sebanyak 33.11 peratus pengundi etnik India, berkurangan 2.41 peratus pada PRU-14. Persaingan satu lawan satu ini menunjukkan berlaku persaingan yang sengit yang mengatasi faktor etnik berbanding kepartian. Pada PRU-14 yang lalu, Surash bertanding atas tiket Bebas dan mendapat undi sebanyak 2,640.

Dalam PRU-14 tiada calon etnik India yang bertanding di DUN Bahau sebaliknya pada PRN-15, PN telah mencalonkan P.M Kumar bagi menentang bekas Ahli Majlis Kerajaan Negeri yang bertanding semula, Teo Kok Seong yang mewakili PH(DAP). Walaupun calon PH(DAP) memenangi DUN Bahau dengan majoriti undi yang lebih besar berbanding PRU-14 iaitu sebanyak 8,408 (6109 pada PRU-14), P.M Kumar yang bertanding atas tiket PN berjaya mendapat 3,531 undi. Pada pilihan raya negeri (PRN-15) ini, jumlah pengundi etnik India adalah sebanyak 9.92 peratus di DUN Bahau.

DUN Nilai menyaksikan dua calon daripada etnik India telah mencalonkan diri untuk bertanding iaitu J. Arul Kumar mewakili PH (DAP) dan Yessu (Bebas). J. Arul Kumar berjaya mempertahankan kerusi DUN untuk penggal ketiganya apabila memperoleh majoriti 10,889 undi berbanding Yessu (Bebas) yang hanya mendapat 57 undi. Dua calon lain adalah Gan Chee Biow (PN) yang mendapat 8,244 undi dan Omar Mohd Isa (Bebas) yang mendapat 1,430 undi. Dalam PRN-15 ini terdapat sejumlah 20.38 peratus yang mewakili pengundi etnik India. DUN Bukit Kepayang menyaksikan calon PN, Subramaniam A/L Purushothama mendapat 4,942 undi berbanding calon PH (DAP), Nicole Tan Lee Koon mendapat 24,626 undi dengan kemenangan majoriti 19,684 undi. Pada PRN-15 ini, DUN Bukit Kepayang mempunyai sebanyak 20.04 peratus pengundi etnik India. Rujuk Jadual 3 iaitu keputusan pengundian mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang ditandingi Calon Etnik India PRN-15 di Negeri Sembilan.

**Jadual 3: Keputusan Pengundian Mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)
Yang Ditandingi Calon Etnik India PRN-15 Di Negeri Sembilan**


Kod DUN	DUN	Jumlah Pengundi	Peratus Keluar Mengundi	Peratus Pengundi India	Calon PRN-15	Jumlah Undi
N07	Jeram Padang	16,332	63.42	33.6	Surash A/L Sreenivasan (PN)	4,769
N08	Bahau	25,769	60.6		P.M Kumar (PN)	3,531
N10	Nilai	42, 168	69.00	21.6	J. Arul Kumar (PH)	19,133*
					Yessu (Bebas)	57
N21	Bukit Kepyang	46,229	66.33	22.2	Subramaniam A/L PuruShothama (PN)	4,942
N23	Mambau	28,952	67.20	25.7	Sathes Kumar Nilameham (PN)	2,099
					Kumaravel A/L Ramiah (Bebas)	163
N24	Seremban Jaya	32,290	67.09	27.2	P.Guna	17, 080*
N30	Lukut	26,806	64.98	26.2	S. Ragu (PN)	3,561
N33	Sri Tanjung	19,431	64.8	28.1	Dr Raja (PH)	8,239*
N36	Repah	27,284	63.30	17.6	Veerapan A/L Superamaniam	11,507*

Sumber : SPR 2023

Petunjuk

- - Pemenang

DUN Mambau menyaksikan terdapat dua calon etnik India iaitu Sathes Kumar Nilameham yang mewakili Perikatan Nasional dan Kumaravel A/L Ramiah yang bertanding atas tiket Bebas. Sathes (PN) mendapat 2,099 undi manakala Kumaravel (Bebas) mendapat 163 undi dan hilang wang deposit, walaupun kawasan DUN Mambau antara kawasan yang ramai pengundi etnik India seramai 24.24 peratus. Pada PRU-14 DUN Mambau mempunyai sebanyak 23.24 peratus pengundi etnik India, pertambahan satu peratus pada PRN-15. DUN Seremban Jaya menyaksikan calon etnik India, P. Guna yang mewakili PH (DAP), telah berjaya mengulangi kemenangan bagi penggal keempat dengan majoriti undi sebanyak 12,703, mengalahkan calon PN, Gary Lee yang mendapat 4,377 undi. P. Guna telah mendapat 17,080 undi di kawasan yang mempunyai pengundi etnik India sebanyak 25.74 peratus. Rajah 2 menunjukkan kawasan DUN-DUN yang ditandingi oleh calon etnik India pada PRN-15 di Negeri Sembilan.



Rajah 2 Kawasan DUN Yang Ditanding Oleh Calon-Calun Etnik India Pada PRN-15 Di Negeri Sembilan

Sumber: Ubahsuai SPR 2023

DUN Lukut menyaksikan PN telah meletakkan S. Ragu bagi menentang calon penyandang, Choo Ken Hwa PH (DAP). Dalam pertandingan satu lawan satu ini, S. Ragu tewas dengan sekadar mendapat 3,561 undi walaupun terdapat sebanyak 24.96 peratus pengundi daripada etnik India. Di Sri Tanjung, calon etnik India daripada PH (PKR) telah berjaya memenangi kerusi DUN dengan mendapat 8,239 undi berbanding calon PN, Zabidi Ariffin yang mendapat 4,243 undi dengan majoriti kemenangan calon PH (PKR) sebanyak 3,996 undi. Pada PRN-15 ini, jumlah pengundi etnik India di DUN Sri Tanjung adalah sebanyak 25.56, berkurangan sebanyak 5 peratus berbanding PRU-14. DUN Repah menyaksikan PH (DAP) terus memberi kepercayaan kepada Veerapan A/L Superamaniam bagi mempertahankan kerusi yang telah dimenanginya untuk tiga penggal berturut-turut. Pada PRN-15 ini, Veerapan telah berjaya mengekalkan kerusi DUN untuk penggal keempat dengan kemenangan bergaya iaitu majoriti 5,950 undi. Veerapan PH (DAP) mendapat 11,507 undi dan calon daripada PN, Elaine Yong Li Yi mendapat 5,557 undi.

Dapat dirumuskan bahawa PRN-15 menunjukkan pola pengundian pengundi etnik India masih memberi kepercayaan kepada Pakatan Harapan. Bagaimanapun, telah menunjukkan kesan penurunan apabila calon-calon yang bertanding di bawah Perikatan Nasional telah mula memberi saingan yang hebat kepada calon parti pemerintah. Ini dapat dilihat kepada jumlah undi yang diterima oleh calon-calon PN yang sekali ganda berbanding PRU-14. Sebagai contohnya calon DUN Jeram Padang pada PRU-14 dan PRN-15 adalah orang yang sama iaitu Surash A/L Sreenivasan tetapi jumlah undi yang diterimanya adalah meningkat daripada 2,640 undi pada PRU-14 kepada 4,769 undi pada PRN-15. Pada PRN-15 tersebut, Suresh telah

bertanding atas tiket PN. Ini menggambarkan bahawa pengundi etnik India telah mula mengalihkan sokongan daripada parti berasaskan etnik kepada parti berasaskan multietnik dalam PRU14 (Vellymalay & Ponniah 2018).

Perbincangan

Pola Sokongan dan Peralihan Undi PRU-14 dan PRN-15

Pada PRU-14, pola sokongan pengundi India di Negeri Sembilan memperlihatkan arus peralihan yang ketara selari dengan tren nasional, apabila sokongan kepada Pakatan Harapan (PH) mencecah sekitar 80-81 peratus. Dalam masa yang sama, sokongan terhadap Barisan Nasional (BN) merosot daripada kira-kira 18 peratus kepada sekitar 16 peratus, satu penurunan yang sering dikaitkan dengan kesan atau impak langsung skandal 1MDB, kekecewaan terhadap GST dan persepsi ketidaktelusan dalam tadbir urus pentadbiran Najib Razak. Hal ini selari sebagaimana dihuraikan secara konsisten dalam analisis pilihan raya oleh Bridget Welsh (Welsh, 2018). Kadar keluar mengundi pengundi India yang tinggi pada PRU-14 turut menunjukkan mobilisasi politik yang luar biasa, dengan komuniti ini melihat pilihan raya umum sebagai peluang untuk merombak struktur kuasa nasional. Faktor ekonomi, ketidakpuasan sosial dan keyakinan terhadap agenda reformasi PH menjadi pemangkin utama kepada gelombang sokongan ini (Welsh, 2019).

Berbeza dengan PRU-14, PRN-15 di Negeri Sembilan berlangsung dalam suasana yang lebih terfokus kepada isu negeri, namun pola sokongan pengundi India tetap mengekalkan kecenderungan jelas kepada PH. Walaupun kadar keluar mengundi menurun, berpunca antaranya PRU-15 di peringkat Nasional baru berlalu iaitu 19 November 2022, sokongan pengundi India terhadap PH kekal stabil kerana sokongan isu-isu setempat seperti bantuan B40, peluang ekonomi yang lebih meyakinkan dan penyelesaian masalah perumahan. Kemerosotan berterusan sokongan BN dalam PRN-15 juga selari dengan trend nasional pasca PRU-14, iaitu BN gagal memulihkan imej dan keyakinan pengundi minoriti sebagaimana yang dihuraikan oleh Bridget Welsh dalam analisisnya mengenai “post-2018 realignment” dalam politik etnik India (Welsh, 2020). PN pula hampir tidak mendapat tempat dalam kalangan pengundi India disebabkan persepsi bahawa gagasan tersebut kurang menawarkan agenda inklusif terkait kepentingan pengundi India dan sering dikaitkan dengan retorik yang tidak disambut baik oleh komuniti minoriti (Welsh, 2021). Umumnya etnik India melihat PN sebagai gabungan parti yang hanya menekankan tentang agenda Melayu dan Islam dan sedikit sebanyak telah menakut-nakutkan tentangan pengundi bukan Melayu untuk menyokong mereka.

Faktor Penyumbang Kepada Keputusan Pilihan Raya Berdasarkan Pendekatan Geografi Politik Dan Tingkah Laku Pengundian

Corak sokongan pengundi India di Negeri Sembilan sewaktu PRU-14 dan PRN-15 banyak dipengaruhi oleh susun atur ruang komuniti serta jaringan sosial yang terbentuk melalui sejarah penempatan, tempat kerja dan institusi budaya, khususnya kuil dan persatuan masyarakat. Di kawasan seperti Nilai, Labu, Lobak dan Seremban Jaya, hubungan setempat ini bertindak sebagai saluran utama penyaluran maklumat politik dan pembentukan sikap pengundian. Ketika PRU-14, rangkaian media sosial pembangkang iaitu Pakatan Harapan berjaya menyebarkan naratif perubahan kepada pengundi, terutamanya berkaitan isu tadbir urus dan ketidakpuasan terhadap dasar ekonomi semasa. Dalam PRN-15 pula, geografi sosial yang sama memudahkan fokus terhadap isu setempat seperti bantuan golongan berpendapatan rendah dan

keperluan perumahan, sekali gus mengekalkan kecenderungan sokongan pengundi bukan Melayu termasuk pengundi India kepada calon PH di banyak kawasan bandar dan pinggir bandar. Rujukan berkaitan termasuk analisis politik ruang dan masyarakat minoriti dalam konteks Semenanjung Malaysia yang dibincangkan oleh Shamsul Amri (1986).

Faktor ekonomi turut menjadi pemacu penting yang menjelaskan perubahan sikap pengundi India antara PRU-14 dan PRN-15. Pada PRU-14, tekanan kos sara hidup, kesan langsung cukai serti GST serta isu integriti kerajaan mencetuskan rasa tidak puas hati yang mendalam dalam kalangan pekerja sektor perkhidmatan, kilang dan pengangkutan yang membentuk profil ekonomi masyarakat India di DUN seperti Nilai, Mambau, Repah dan Seremban Jaya. Hal ini mewujudkan gelombang sokongan yang jelas kepada PH yang ketika itu menawarkan agenda pembaharuan ekonomi melalui janji-janji manifesto yang ditawarkan. Dikala yang sama, pengundi India merasakan MIC yang selama ini berperanan menjaga kepentingan masyarakat India tidak lagi boleh diharapkan dalam memperjuangkan hak-hak dan isu-isu etnik India terutamanya mengenai taraf hidup, ekonomi dan pendidikan etnik India (Vellymalay & Ponniah 2018). Menjelang PRN-15, isu ekonomi masih memberikan impak yang tersendiri tetapi penilaian pengundi lebih banyak tertumpu kepada keupayaan kerajaan negeri menyampaikan bantuan, memperkukuh perkhidmatan asas dan menangani isu sosioekonomi setempat. Gomez (2019) menyatakan bahawa faktor ekonomi adalah salah satu penentu sokongan masyarakat minoriti terutamanya apabila berlaku sesuatu seperti pilihan raya. Peranan calon menjadi unsur ketiga yang boleh mempengaruhi pola pengundian dalam kedua-dua pilihan raya tersebut. Kehadiran calon India di DUN seperti Rahang, Seremban Jaya, Mambau, Nilai dan Repah memberikan nilai tambah yang penting kerana gabungan representasi etnik, reputasi peribadi dan hubungan rapat dengan masyarakat setempat meningkatkan keyakinan pengundi selain memberi tekanan dan perhatian kepada parti-parti besar untuk mengambil perhatian kepada perkara yang dibangkitkan. Ini selari dengan kajian tingkah laku pengundi yang menekankan kepentingan faktor calon berbanding faktor parti dalam pilihan raya berskala kecil telah diuraikan oleh (Welsh, 2018). Pada PRU-14, calon PH berjaya memanfaatkan tuntutan perubahan nasional, manakala pada PRN-15 tumpuan lebih diberikan kepada isu mikro seperti penyelesaian masalah kejiwaan, perumahan, penyelarasan perkhidmatan dan penambahbaikan tadbir urus kerajaan memerintah.

Dalam kedua-dua pilihan raya ini, pola pengundian pengundi etnik India di Negeri Sembilan mencerminkan peralihan berterusan daripada identiti perkauman semata-mata kepada pilihan berdasarkan parti, isu dan prestasi calon. Ini selaras dengan hujah teori bahawa faktor sosio-ekonomi, kepimpinan, isu tempatan dan strategi bukan perkauman semakin dominan dalam tingkah laku pengundian (Wong 2001; Biro Analisis Politik 2000; Vellymalay 2014). Secara empirikal, sokongan etnik India kepada Pakatan Harapan (PH) kekal tinggi pada PRU-14 dan berterusan pada PRN-15 di DUN seperti Nilai, Seremban Jaya, Sri Tanjung dan Repah. Walaupun peratus pengundi etnik India berubah, pola sokongan kepada parti bertanding lebih diutamakan berbanding daripada sokongan kepada identiti etnik calon. Ini sejajar dengan dapatan Vellymalay & Ponniah (2018) bahawa pengundi India menolak MIC/BN kerana kegagalan menangani isu sosio-ekonomi secara kolektif, justeru memilih parti yang menawarkan janji reformasi yang menyeluruh. Di samping itu, geografi politik Negeri Sembilan memperlihatkan perbezaan sokongan antara kawasan bandar yang lebih cenderung kepada PH berbanding kawasan luar bandar yang masih bersifat status-quo. Ini seiring dengan kajian yang menekankan peranan lokasi sosial, struktur kelas dan pertambahan pengundi baharu dalam mempengaruhi pola undi (Vellymalay 2014).

Selain itu, perbandingan analitik antara PRU-14 dan PRN-15 menunjukkan kesinambungan serta dinamika baru dalam tingkah laku pengundian. Walaupun PH kekal dominan untuk calon etnik India di banyak DUN, PRN-15 menyaksikan kebangkitan calon Perikatan Nasional (PN) yang menerima jumlah undi lebih tinggi berbanding PRU-14 seperti di Jeram Padang dan Mambau. Ini mencerminkan impak geografi politik Melayu yang berubah di kawasan luar bandar serta persepsi isu nasional setempat yang mempengaruhi keputusan undi (Mokhtar & Junaidi 2025a, 2025b, 2025c). Ianya juga menunjukkan bahawa walaupun sokongan etnik India tidak lagi berasaskan perkauman semata-mata, pola mengundi terus dipengaruhi oleh faktor sosio-ekonomi, isu tempatan, serta persepsi terhadap prestasi kerajaan. Hal ini selaras dengan teori konflik sosio-ekonomi Sanusi (1981) dan komponen politik bukan perkauman yang dinamik seperti yang dibincangkan oleh Mohd Yusof & Azlan (2002). Secara keseluruhan, perbezaan dan kesinambungan antara dua pilihan raya ini menegaskan bahawa pengundi etnik India di Negeri Sembilan kini membuat pilihan berdasarkan campuran faktor parti, isu, geografi dan prestasi. Dengan kata lain, fenomena ini menunjukkan bahawa pola pengundian telah berkembang menjadi lebih kompleks dan tidak lagi ditentukan semata-mata oleh faktor etnik.

Secara keseluruhan, analisis keputusan PRU-14 dan PRN-15 di Negeri Sembilan menunjukkan bahawa pengundi etnik India kini cenderung membuat pilihan berdasarkan prestasi parti, isu sosioekonomi dan faktor geografi, berbanding semata-mata identiti etnik calon. Tren ini mencerminkan kesinambungan sokongan kuat kepada PH di banyak kawasan, serta kebangkitan saingan PN yang lebih mencabar pada PRN-15. Ini selaras dengan dinamika pilihan raya semasa yang dipengaruhi oleh isu prestasi, lokasi dan perubahan demografik pengundi. Oleh itu, pola pengundian di kalangan etnik India menggambarkan evolusi tingkah laku politik yang kompleks dan tidak bersandarkan hanya oleh faktor perkauman, sebaliknya oleh kombinasi faktor struktural dan kontekstual yang lebih menyeluruh.

Kesimpulan

Penglibatan politik etnik India di DUN-DUN terpilih di Negeri Sembilan pada PRU-14 dan PRN-15 menunjukkan perubahan yang ketara daripada pola sokongan tradisional kepada pendekatan yang lebih bersandarkan isu dan keperluan semasa serta kecenderungan geografi politik yang spesifik. Kajian dalam bidang geografi politik menegaskan bahawa *spatial geography* dan *ethnic geography* (geografi etnik) memainkan peranan penting dalam menentukan pola pengundian melalui perbezaan kawasan bandar-luar bandar, komposisi etnik dan isu setempat, di mana kawasan bandar cenderung lebih menumpukan kepada isu ekonomi dan reformasi, manakala kawasan luar bandar lebih dipengaruhi oleh identiti etnik dan struktur komuniti setempat secara tradisional.

Pada PRU-14, sokongan kuat kepada PH di kawasan campuran seperti Jeram Padang, Chuah, Port Dickson, Rantau dan Lukut dipacu oleh keresahan terhadap kos sara hidup, pelaksanaan GST dan keinginan terhadap pembaharuan politik yang menjadi sentimen dominan di kawasan bandar dan separa bandar. Menjelang PRN-15, corak ini menunjukkan sedikit perubahan apabila sokongan menjadi lebih seimbang di beberapa kawasan DUN dengan jaringan akar umbi tradisional MIC yang masih wujud. Ia sekaligus mencerminkan dinamika geografi politik dimana etnik serta lokasi socio-ekonomi tempatan masih berinteraksi dalam menentukan pilihan pengundi. Bahkan ianya selari dengan dapatan literatur bahawa pola sokongan pengundi seringkali dibentuk oleh interaksi antara etnik, geografi kawasan dan isu semasa pilihan raya.

Perubahan ini, seterusnya, turut didorong oleh penilaian pengundi terhadap prestasi kerajaan selepas 2018. Langkah dan strategi kerajaan memerintah memberi tumpuan yang semakin besar terhadap isu setempat seperti peluang pekerjaan, kebajikan keluarga, keselamatan sosial dan peningkatan taraf hidup, telah berjaya mempengaruhi kecenderungan pengundi India khususnya. Justeru itu, menunjukkan evolusi pola politik yang kompleks di mana sokongan tidak semata-mata berdasarkan identiti perkumpulan etnik tetapi juga pada persepsi dan naratif keberkesanan tadbir urus dan tindakbalas parti terhadap isu-isu sosioekonomi. Dengan mengambil kira sumbangan kajian geografi politik dan pilihan raya, kita dapat memahami bahawa politik Malaysia, termasuk di Negeri Sembilan, dipengaruhi oleh gabungan faktor struktur geografi, demografi etnik dan konteks isu semasa yang membentuk tingkah laku pengundian masyarakat India dan kaum lain.

Penghargaan:	Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada pensyarah, rakan dan ahli keluarga atas bimbingan, sokongan, dan bantuan mereka sepanjang penyelesaian penulisan ilmiah ini. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Sekretariat Siswazah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor atas kebenaran dan sokongan terhadap penyelidikan yang menghasilkan artikel ini.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan artikel jurnal ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Mokhtar Ahmad bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan, metodologi, pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian dan penyeliaan keseluruhan kajian. Junaidi Awang Besar menyumbang kepada sorotan literatur dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Ab. Rashid Ab. Rahman & G. Manimaran. (2021). *Pilihan Raya Demokrasi Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Anon. (2023). Dun Negeri Sembilan bubar 1 Julai – Aminuddin. *Sinar Harian*. 28 Jun. <https://share.google/1s95KSO3nfVX0oApKj> [22 November 2025].
- Anon. (2023). SPR isytihar 12 Ogos sebagai tarikh mengundi PRU DUN ke-15. *Portal Berita RTM*. 5 Julai. <https://share.goggle/dtZtR3yNlufe4szfw> [25 Januari 2026].
- Bernama (2020). Pendaftaran parti Perikatan Nasional lulus pada 7 Ogos – RoS. *Astro Awani*. 14 September
- BH Online. 10 Oktober. <https://share.google/HCd61luz54VtPOLJM> [26 November 2025].
- Biro Analisis Politik. (2000). *Dilema UMNO: Analisa Pilihanraya Umum 1999 (UMNO in Trouble)*. Kuala Lumpur: Biro Analisis Politik.
- Crouch, H. (1996). *Government and Society in Malaysia*. Ithaca: Cornell University Press.
- Fahmy A Rosli. (2022). Lambat lantik penyelaras, punca MIC kalah banyak kerusi PRU-14.
- Funston, J. (2001). Malaysia: Developmental State Challenged. *Southeast Asian Affairs* (pp. 171–186). Singapore: ISEAS.
- Gomez, E. T., & Saravanamuttu, J. (Eds.). (2013). *The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative Action, Ethnic Inequalities and Social Justice*. Singapore: NUS Press.
- Goo Lee Ping. (2002). Kemenangan berterusan DAP di Parlimen Kota Melaka. Latihan Ilmiah. Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harding, A. (2012). *The Constitution of Malaysia: A Contextual Analysis*. Oxford: Hart Publishing.
- Horowitz, D.L. (1985). *Ethnic groups in conflict*. Berkeley: University of California Press.
- Hutchinson, F. E & Aun, L. H. (2019). *The Defeat of Barisan Nasional: Missed Signs or Late Surge?* Singapore's Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS – Yusof Ishak). Singapura.
- Junaidi Awang Besar, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Nasir Nayan, Siti Noranizahhafizah Boyman, Mazlan Ali & Aajirah Hanim Abdul Halim. (2021). Trend Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum 1986-di Malaysia Berdasarkan Pemetaan Geografi. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6(25), 40-63
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mazlan Ali. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia: Pola dan Impak. *3rd USM-International Conference on Social Sciences (ICOSS) 2019*. Bayview Beach Resort, Batu Feringgi, Penang, Malaysia. 21-23 Ogos 2019.
- Junaidi Awang Besar, Mokhtar Jaafar, Mokhtar Ahmad. (2021). Politik pilihan raya dalam PRU-14 dan pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *GEOGRAFIA : Malaysian Journal of Society and Space*, 17 (2), 206-220.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. Geografia Online: *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-232.
- Junaidi Awang Besar. (2021). Perkembangan dan Prestasi Malaysian Indian (MIC) dalam geopolitik Malaysi. *eBangi*, 18(3), 178-193
- Junaidi Awang Besar. (2023). Pru-15: Tiadanya Parti Politik Yang Menang Majoriti Mudah 112 kerusi Parlimen Untuk Membentuk Kerajaan Persekutuan Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 8(31), 97- 121
- Junaidi Awang Besar. (2024). Influence of Spatial Geography in By-Elections Post 15th General Election in Malaysia. *GEOGRAFI* 12(1). <https://doi.org/10.37134/geografi.vol12.1.8.2024>.

- Kaur, Arunajeet. 2018. The Hindu rights action force and the Malaysian Indian minority after the 2018 General Election in Malaysia. *S. Rajaratnam School of International Studies (RSIS)*. No. 319
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon & Viknesh a/l Ramachandran. (2012). Persepsi politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *GEOGRAFIA, Malaysia Journal of Society and Space*, 8(8), 1-11
- Mohd. Yusof Kasim & Azlan Ahmad. (2002). Pendahuluan. Dlm Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad. *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mokhtar Ahmad & Junaidi Awang Besar. (2024). Pola Pandangan Pengundi Melayu Pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(36), 37-52.
- Mokhtar Ahmad & Junaidi Awang Besar. (2025a). Pola Pengundian Mengikut Saluran Mengundi Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (N20) Labu, Negeri Sembilan. *Jurnal Wacana Sarjana* 9(1): 1-21
- Mokhtar Ahmad & Junaidi Awang Besar. (2025b). Pilihan Raya Negeri ke-15, Negeri Sembilan: Di Sebalik kebangkitan sokongan Melayu kepada Perikatan Nasional. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 10(39), 160-177
- Mokhtar Ahmad & Junaidi Awang Besar. (2025c). Kebangkitan Perikatan Nasional Melalui Sokongan Pengundi Melayu Dalam Pilihan Raya DUN Negeri Sebilan ke-15. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-9, ICOSH) 2025*. The Everly Hotel, Putrajaya, Wilayah Persekutuan, Malaysia. 9 – 11 September.
- Mokhtar Ahmad, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Jali. (2024). Tsunami Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia: Kebangkitan Pakatan Harapan dan Kemunculan Politik Baharu. *Akademika*, 94(3), 204-233.
- Mokhtar Ahmad. (2019). Pola Kecenderungan Politik Melayu Luar Bandar Di Negeri Sembilan. *Postgraduate Research Seminar 2019/Seminar Penyelidikan Siswazah (POGRES 2019)*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 4 Disember
- Mokhtar Ahmad. (2025). Geografi Politik Melayu Luar Bandar Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) di Negeri Sembilan: Satu Analisis PRU-10 Hingga PRU-14. Tesis Doktor Falsafah. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Mujibu Abd Muis, Zaliha Hj. Hussin & Badrul AzmierMohamed@Bakar. (2013). Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-12. *Political Managements and Policies in Malaysia*. Hlm 411-442.
- Nafisah Ilham Hussin & Siti Noranizahhafizah Boyman. (2013). Sentimen perkauman dalam PRU 13. Seminar Antarabangsa Etnik dan Dasar: Refleksi Jati Diri. Anjuran Institut Kajian Etnik (KITA) UKM dan Kumpulan Penyelidik Sumitomo (RE2012-003). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 22 Ogos
- Rabushka, A., & Shepsle, K.A. (1972). *Politics in plural societies: A theory of democratic instability*. Columbus, OH: Charles E. Merrill.
- Rizanizam Abdul Hamid. (2019). Dr Streram calon PRK Rantau? *Metro*. 10 Mac. <https://share.google/DMka7YTQPYuYsWxHf> [23 November 2025].
- Sanusi Osman, (1981). Perbezaan sosio-ekonomi dan konflik: satu kajian kes. *AKADEMIKA*, 18, 77-93.
- Shamsul A. B. (1996). Nations-of-Intent in Malaysia. In *Asian Forms of the Nation* 323–347. London: Routledge
- Shamsul Amri Baharuddin. (1996). Nations of intent in Malaysia. In S.Tonnesson & H. Antlov (Eds), *Asian forms of the nation* (pp. 323-347). London: Curzon Press.

- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2018). Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri Tahun 2018. Putrajaya. Suruhan Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2023). Laporan Statistik Pilihan Raya Umum ke-15. Putrajaya. Suruhan Pilihan Raya Malaysia.
- Vellymalay, S. K. N. (2014). Aliran Mengundi Kaum India Dalam Pilihan Raya Umum 2013: Satu Analisi. *Kajian Malaysia*, 32(2), 55-88
- Vellymalay, Suresh Kumar N & Ponniah, Sivarajan. (2018). Tsunami India dalam Pilihan Raya Umum PRU-14: Peralihan sokongan daripada politik etnik kepada politik multi-etnik. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 206-231.
- Viknesh Ramachandran (2009) Pola perlakuan politik dikalangan masyarakat India: Satu kajian kes di DUN Gemencheh dan DUN Port Dickson (Latihan Ilmiah). Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Welsh, B. (2018). "Saviour" politics and Malaysia's 2018 electoral democratic breakthrough: Rethinking explanatory narratives and implications. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 85-108.
- Welsh, B. (2018). Malaysia's Democratic Breakthrough? *Journal of Democracy*, 29(4), 152-166.
- Welsh, B. (2019). Euphoria dashed: Malaysia's struggle with political transition. *Global Asia*, 14(1). March 27 https://www.globalasia.org/v14no1/focus/euphoria-dashed-malaysias-struggle-with-political-transition_bridget-welsh. Global Asia
- Welsh, B. (2020). Malaysia's political polarization: Race, religion, and reform. August 18 <https://bridgetwelsh.com/articles/malaysias-political-polarization-race-religion-and-reform/>. Bridget Welsh
- Welsh, B. (2021). Malacca polls: A voting retrospective. November 10 <https://bridgetwelsh.com/articles/malacca-polls-a-voting-retrospective/>
- Wong Pooi Ling. (2001). Perilaku pengundi Cina dalam pilihanraya 1999: satu kajian kes di DUN Rahang, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakry Abadi. (1986). *Suatu Analisa Pilihanraya Umum '86*. Kuala Lumpur: Syarikat Grafikset Abadi.